

## Daya Tahan Pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) Yang Mempunyai Pengalaman Buruk Zaman Kanak-Kanak

*(Resilience of College Student with Adverse Childhood Experiences)*

Nurul Farhanah Saffinye<sup>1\*</sup>, Shahlan Surat<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: farhanah.saffinye@gmail.com

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: drshahlan@ukm.edu.my

### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Nurul Farhanah Saffinye  
(farhanah.saffinye@gmail.com)

### KATA KUNCI:

Pengalaman buruk zaman  
kanak-kanak  
Daya tahan  
Faktor pelindung  
Pelajar IPT

### KEYWORDS:

Adverse childhood experiences  
Resilience  
Protective factor  
College student

### CITATION:

Nurul Farhanah Saffinye, & Shahlan Surat.  
(2024). Daya Tahan Pelajar Institut  
Pengajian Tinggi (IPT) Yang Mempunyai  
Pengalaman Buruk Zaman Kanak-Kanak.  
*Malaysian Journal of Social Sciences and  
Humanities (MJSSH)*, 9(6), e002888.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i6.2888>

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneroka cabaran dan faktor daya tahan yang mempengaruhi pelajar IPT yang mempunyai pengalaman buruk zaman kanak-kanak. Kajian dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual secara mendalam (*in-depth*) dan separa struktur. Seramai lima orang pelajar IPT di sekitar Melaka dan Selangor dipilih menjadi informan kajian berdasarkan kepada kaedah persampelan bertujuan mengikut kriteria yang ditetapkan. Temu bual ditranskripsikan dan dapatan kajian diklasifikasikan mengikut tema-tema yang dikenal pasti. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat dua cabaran utama yang dilalui oleh pelajar IPT ini iaitu (a) sosial dan (b) emosi dan psikologi. Manakala bagi daya tahan pula terdapat dua faktor pelindung yang membantu pelajar IPT dalam kehidupan iaitu (a) faktor dalaman dan (b) faktor luaran. Dapatan kajian diharapkan dapat memberi cetusan idea dan inspirasi kepada semua pihak dalam membentuk pelajar IPT yang berdaya tahan bagi menjamin kesejahteraan negara pada masa hadapan.

### ABSTRACT

This study aims to explore the challenges and resilience factors affecting college students who have had adverse childhood experiences. The study was conducted qualitatively using in-depth and semi-structured methods. A total of five college students around Melaka and Selangor were selected to be the informants of the study based on a targeted sampling method according to set criteria. The interviews were transcribed and the findings were classified according to identified themes. The study found that there are two main challenges that college students go through, namely (a) social and (b) emotional and psychological. There are also two protective factors that help college students (a) internal factors and (b) external factors. The study findings are expected to provide ideas

and inspiration to all parties in forming resilient college students to ensure the welfare of the country in the future.

---

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai pengalaman buruk zaman kanak-kanak yang dialami oleh pelajar IPT di Malaysia dengan penerokaan dari sudut cabaran dan faktor daya tahan kelompok tersebut.

## 1. Pengenalan

Fasa kanak-kanak merupakan fasa yang penting dalam pembentukan kehidupan seseorang. Fasa kanak-kanak yang negatif boleh merencatkan individu secara keseluruhan. Pada tahun 2014 secara globalnya kira-kira 1 bilion kanak-kanak sekurang-kurangnya mempunyai satu pengalaman buruk zaman kanak-kanak yang terpaksa dilalui (Hillis, Mercy, Amobi dan Kress, 2016). Pengalaman buruk zaman kanak-kanak merupakan satu peristiwa negatif berlaku di fasa kanak-kanak yang berpotensi memberikan kesan kepada pelbagai sudut kehidupan termasuklah daya tahan. Sebagai seorang pelajar IPT, daya tahan yang baik diperlukan bagi mengadaptasi kehidupan yang berbeza diikuti dengan persekitaran yang mencabar. Menurut Turner, Holdsworth dan Scott-Young (2017), perbezaan paling ketara yang perlu dihadapi oleh pelajar IPT adalah peralihan sistem pengajian. Peralihan sistem pengajian ini bukan sahaja meliputi akademik malah kehidupan peribadi yang memerlukan pelajar IPT lebih berdikari serta cepat menyesuaikan diri dengan keadaan tersebut. Oleh itu, daya tahan amat memainkan peranan penting dalam membantu pelajar meneruskan kelangsungan kehidupan sepanjang pengajian di IPT.

Daya tahan juga dilihat sebagai elemen yang penting dalam mewujudkan pelajar IPT yang berkualiti. Hal ini sejajar dengan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025) dalam melahirkan individu yang berdaya tahan serta mempunyai potensi diri bagi mencapai kesejahteraan diri di tahap tinggi. Namun begitu, tidak semua pelajar yang melanjutkan pelajaran di IPT berjaya menamatkan pengajian. Kegagalan dalam menamatkan pengajian tersebut mengakibatkan kerugian besar kepada negara. Antara punca yang menyumbang kepada kegagalan pelajar IPT adalah pengalaman buruk zaman kanak-kanak (Esch et al., 2014; Eisenberg et al., 2009). Pelbagai kes berkaitan masalah sosial dan tingkah laku seperti penagihan dadah, cubaan bunuh diri dan kemurungan melibatkan pelajar IPT yang berkait rapat dengan fasa kanak-kanak yang negatif (Chang, Jiang, Mkandarwire & Shen, 2019; Felitti et al., 1998). Keadaan seperti ini jelas menunjukkan bahawa pengalaman buruk zaman kanak-kanak perlu diberi perhatian agar kelompok ini dapat diperkasakan dalam mewujudkan masyarakat yang positif serta berdaya tahan.

Justeru kajian ini dijalankan berfokus kepada penerokaan cabaran yang dilalui oleh pelajar IPT yang mempunyai pengalaman buruk zaman kanak-kanak dan faktor daya tahan yang mempengaruhi kelompok tersebut. Hasil kajian ini diharap dapat membantu pihak IPT khususnya dalam melihat aspek-aspek penting untuk membantu kelompok yang terlibat.

## 2. Sorotan Literatur

### 2.1. Pengalaman Buruk Zaman Kanak-kanak

Pengalaman buruk zaman kanak-kanak merupakan peristiwa negatif yang berlaku kepada individu ketika berusia bawah 18 tahun yang boleh mengakibatkan trauma yang berpanjangan (Felitti et al., 1998). Terdapat sepuluh jenis perkara yang berkaitan dengan pengalaman buruk iaitu a) penderaan emosi—ibu bapa dan/atau penjaga bermusuhan, mencaci dan/atau memperlekehkan kanak-kanak itu; b) penderaan fizikal—kanak-kanak itu menjadi mangsa atau didera secara fizikal oleh ahli keluarga; c) penderaan seksual—kanak-kanak menjadi mangsa penderaan seksual atau di rogol; d) pengabaian emosi —kanak-kanak yang menerima sedikit atau tiada sokongan daripada keluarga dan/atau tidak berasa rapat dengan mana-mana ahli keluarga; e) pengabaian fizikal—menjadi mangsa perbuatan cuai, mengakibatkan bahaya kepada kesihatan, kebajikan dan keselamatan kanak-kanak itu; termasuk kegagalan untuk menyediakan makanan, tempat tinggal, pakaian, penjagaan, dan/atau penjagaan kesihatan); f) keganasan keluarga—keganasan rumah tangga dan/atau penderaan seksual di rumah di mana kanak-kanak itu menyaksikan keganasan; h) penyalahgunaan bahan terlarang dalam isi rumah—ibu bapa dan/atau adik-beradik dalam isi rumah terlibat dengan alkohol dan/atau penyalahgunaan dadah; i) isi rumah yang mempunyai penyakit mental—ibu bapa dan/atau adik-beradik dalam isi rumah yang mempunyai masalah kesihatan mental; j) perpisahan/perceraian ibu bapa—ibu bapa berpisah atau bercerai, menyebabkan anak tidak tinggal bersama kedua ibu bapa; dan k) pemenjaraan ahli isi rumah—ahli keluarga yang mempunyai sejarah dipenjarakan atau dipenjarakan (Dube et al., 2003; Baglivio & Wolff, 2021; Felitti et al., 1998). Kesemua perkara ini mampu merencatkan perkembangan seseorang dan mengganggu fungsi kehidupan mereka.

Pelajar IPT yang mempunyai pengalaman buruk zaman kanak-kanak akan menghadapi kesukaran dari pelbagai sudut termasuklah mental, sosial serta adaptasi di kampus. Kelompok ini akan mudah marah apabila berada di situasi yang sukar dan tidak suka bergaul dengan yang lain. Hal ini di sokong oleh Cross et al. (2017) yang menyatakan kelompok ini akan mempunyai pengawalan emosi yang lemah dan sering beranggap yang negatif terhadap persekitaran. Pengawalan emosi yang lemah juga membawa kepada masalah kepercayaan atau *trust issue*. Pelajar IPT ini akan mempunyai sikap pesimis kepada orang sekeliling. Kajian oleh Robertson (2019) juga membuktikan bahawa individu yang mengalami pengalaman buruk zaman kanak-kanak mempunyai masalah dalam perhubungan (*interpersonal relationship*). Keadaan tersebut membuatkan kelompok ini sukar mempunyai rakan rapat.

Seterusnya, kelompok ini juga mempunyai perasaan rendah diri. Mereka akan mengelak untuk memegang tanggungjawab sepanjang pengajian di kampus. Menurut Newcomb et al. (2019) memperlihatkan pelajar IPT yang mempunyai pengalaman buruk zaman kanak-kanak tidak mempunyai keyakinan diri dan tidak berdaya juang. Perkara ini turut disokong oleh Godbout et al. (2019) dan Frewen et al. (2015) yang menyatakan pelajar IPT ini lebih gemar menyendiri dan tidak aktif dalam pengajian. Secara keseluruhan dapat diketahui bahawa pengalaman buruk zaman kanak-kanak memberi kesan kepada pelajar IPT sepanjang pengajian mereka.

## 2.2. Daya Tahan

Secara umumnya, daya tahan diterjemahkan sebagai melantun semula atau “*bounce back*”. Dari sudut kajian, Rutter (2006) mendefinisikan daya tahan merupakan gabungan pengalaman yang berisiko dengan tindak balas positif psikologi terhadap perkara buruk yang berlaku. Kemampuan beradaptasi dengan tekanan dan ancaman serta cabaran

yang berterusan merupakan salah satu indikasi kepada seseorang yang berdaya tahan. Menurut Harsela et al. (2020) pelajar yang berdaya tahan adalah pelajar yang dapat mengevaluasi diri dan memperbaiki diri ke arah yang lebih baik. Walaupun pelajar IPT mempunyai pengalaman buruk zaman kanak-kanak namun kelompok ini mampu bangkit dan berfungsi dengan baik. Perkara ini sejajar dengan kenyataan oleh Russell dan Russell (2006) iaitu daya tahan merujuk kepada keupayaan individu untuk pulih setelah menghadapi tekanan dan musibah dalam hidup. Tindak balas dan tingkah laku positif ke atas situasi yang sukar turut memberi gambaran bahawa seseorang tersebut mempunyai daya tahan yang baik. Oleh yang demikian, dalam kajian ini pengkaji mentafsirkan daya tahan adalah mereka yang mempunyai keupayaan untuk terus berfungsi dengan positif sepanjang pengajian di IPT.

### 2.3. Faktor Pelindung

Faktor pelindung sangat berkait rapat dengan daya tahan. Faktor pelindung merupakan elemen-elemen yang menyumbang kepada daya tahan seseorang dalam menghadapi cabaran yang dilalui. Durlak (1998) mendefinisikan faktor pelindung sebagai elemen yang mampu mengurangkan kemungkinan dan kesan negatif terhadap sesuatu perkara. Fraser et al. (2004) pula menyatakan aset dalaman, luaran dan kekuatan yang mengubahsuai risiko kepada sesuatu yang positif diklasifikasikan sebagai faktor pelindung. Antara contoh faktor pelindung adalah diri sendiri, keluarga dan orang sekeliling (Garmezy et al., 1984). Individu yang mempunyai banyak faktor pelindung akan mampu menangani masalah dan cabaran dengan sihat. Oleh itu, jelas memperlihatkan faktor pelindung penting bagi menyokong daya tahan pelajar IPT terutamanya yang mempunyai pengalaman buruk zaman kanak-kanak.

### 3. Metod Kajian

Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual semi struktur bagi menjawab objektif kajian. Temu bual semi struktur dipilih untuk mendapatkan maklumat yang mendalam dan terperinci mengenai kajian. Pengkaji menggunakan kaedah persampelan bertujuan iaitu informan mempunyai ciri-ciri khas yang ditetapkan. Ciri-ciri khas tersebut adalah pelajar IPT yang masih dalam tempoh pengajian, berusia lingkungan 20 hingga 30 tahun dan pernah mengalami pengalaman buruk di fasa kanak-kanak. Pengkaji menggunakan *The Adverse Childhood Experiences (ACEs) Questionnaire* (Felitti et al., 1998) yang telah diterjemahkan dalam Bahasa Melayu bagi mengenal pasti pelajar IPT yang mempunyai pengalaman buruk zaman kanak-kanak. Daripada soalan tersebut, pengkaji memilih informan yang mempunyai skor 4 dan ke atas. Dengan ciri-ciri khas ini, lima orang informan telah dikenal pasti. Seterusnya, pengkaji mendapatkan persetujuan untuk menemu bual informan secara bersemuka dan meminta untuk menandatangani borang persetujuan agar kajian dapat dijalankan dengan lancar. Kesemua temu bual dirakam dan telah didengar semula bagi proses transkripsi. Data temu bual kemudian di analisis dan di susun mengikut tema-tema yang muncul. Lokasi kajian yang dipilih adalah sekitar Melaka dan Selangor.

### 4. Hasil Kajian

Dalam yang kajian ini, hampir kesemua informan masih bujang dan hanya seorang sahaja yang telah berkahwin. Perincian mengenai informan dijelaskan dalam jadual 1 yang menunjukkan latar belakang informan kajian berdasarkan temu bual yang telah

dijalankan. Secara umumnya setiap peserta kajian mempunyai latar belakang yang berbeza dan mempunyai jenis zaman kanak-kanak yang berbeza.

Jadual 1: Profil Informan

Informan	Jantina	Umur	Negeri Asal	CGPA	Program Pengajian
Informan I	Lelaki	24	Melaka	3.1	Sukan dan rekreasi
Informan II	Lelaki	23	Johor	3.15	Kejuruteraan Awam
Informan III	Perempuan	25	Negeri Sembilan	3.65	Sains Sosial (Kerja Sosial)
Informan IV	Perempuan	21	Selangor	3.20	Sains Sosial (Psikologi)
Informan V	Perempuan	24	Perak	3.00	Pengajian Islam

Informan pertama merupakan seorang mahasiswa tahun kedua, sarjana muda dalam bidang sukan dan rekreasi di IPT di Selangor. Beliau berusia 24 tahun dan berasal dari Melaka. Beliau pernah mengambil dadah ketika berusia 12 tahun. Beliau merupakan anak kelima dari lima orang adik beradik. Ayah beliau pernah dimasukkan ke dalam penjara akibat mencuri. Ayah beliau turut menjalinkan hubungan sulit dengan wanita selain mempunyai tabiat suka minum arak. Abang sulung beliau pula juga seorang yang suka minum arak, mempunyai masalah kesihatan mental iaitu skizofrenia dan telah meninggal dunia akibat jangkitan HIV.

Informan kedua, berasal dari Johor merupakan anak pertama dari dua orang adik beradik. Mak tidak bekerja dan ayah beliau seorang tukang kebun. Beliau sering dimaki hamun hanya disebabkan perkara yang kecil malah pernah dipukul dengan teruk sehingga pernah menerima tiga jahitan akibat pukulan yang diterima dari ayahnya.

Informan ketiga, anak kedua dari dua orang adik beradik. Beliau duduk di kampung bersama nenek nya semenjak kecil. Beliau pernah makan hanya nasi dan kicap sahaja akibat ketiadaan makanan lain di rumah. Ayah dan mak telah berpisah ketika umurnya 12 tahun. Ayah kandung pula tidak pernah memberi nafkah selepas bercerai dengan mak beliau. Selepas itu, beliau mendapat ayah tiri kerana mak beliau telah berkahwin lagi. Ayah tiri beliau seorang pengawal keselamatan dan mempunyai masalah ketagihan dadah. Ayah tiri beliau juga pernah ditangkap di rumah atas tuduhan menyimpan dadah dan pernah dipenjarakan beberapa kali akibat dadah.

Informan keempat, anak tunggal dan penghuni Rumah Solehah semenjak umur 6 tahun. Beliau tidak pernah tahu mengenai ayah beliau. Ibu beliau pula telah meninggal dunia akibat HIV ketika umur beliau 13 tahun. Kini beliau juga merupakan seorang penghidap HIV dan bergantung dengan ubat sepanjang hidup.

Informan kelima, sejak kecil duduk di kampung bersama opah, mak dan pakcik saudara. Sejak kecil beliau sering dimarahi oleh opahnya. Ibu dan ayah beliau telah bercerai ketika beliau masih kecil. Ayah beliau juga tidak pernah memberikan nafkah untuk beliau. Pada usia beliau 15 tahun pula, ibu beliau telah meninggal dunia. Beliau pernah diraba oleh pakcik saudaranya sebanyak dua kali di rumah opahnya. Pakcik nya juga pernah mengintai ketika beliau sedang mandi. Beliau sering berpuasa kerana tidak mempunyai wang untuk membeli makanan.

#### 4.1. Cabaran Yang Dilalui Oleh Pelajar IPT Yang Mempunyai Pengalaman Buruk Zaman Kanak-Kanak

Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, terdapat dua cabaran utama yang dialami oleh pelajar IPT yang mempunyai pengalaman buruk zaman kanak-kanak. Antara cabaran tersebut adalah (a) sosial dan (b) emosi dan psikologi.

Cabaran pertama yang dihadapi oleh pelajar IPT yang mempunyai pengalaman buruk zaman kanak-kanak adalah mengenai sosial yang membawa maksud pergaulan dan interaksi antara satu sama lain. Kelompok ini lebih suka menyendiri dan sukar menyesuaikan diri (Hanson et al., 2010). Majoriti informan menyatakan mereka tidak suka bergaul kerana merasakan diri tidak setara dan memilih untuk menyendiri berbanding bersosial dengan orang sekeliling. Cabaran ini mengakibatkan mereka sukar menjalinkan persahabatan dengan rakan-rakan lain. Kesukaran dalam menjalinkan persahabatan boleh membawa kepada kesunyian. Contohnya:

*".....Saya memang tak suka berkawan. Buat hal sendiri je. Lagi satu kat IPT tu nampak orang lain semua macam berada, saya ni siapa la nak campur dengan diorang tu.... saya tak suka gaul sangat dengan orang." (Informan V)*

Selain itu, mereka juga merasa sukar untuk bekerjasama dalam kumpulan dan tidak selesa apabila melakukan sesuatu tugas yang melibatkan banyak interaksi dengan orang sekeliling. Seperti contoh:

*".....Masalah tak dapat nak orang kata selesaikan diri. Lepastu dengan assignment nak buat dalam group...."(Informan I)*

*".....assignment berkumpulan saya kurang suka laa. Sebab nak kena interaksi dengan ramai-ramai. Selalunya kalau assignment kumpulan, kat whatsapp tu saya jarang laa respond...." (Informan II)*

Oleh kerana pengalaman buruk yang di alami oleh pelajar IPT ini pembentukan sikap yang tidak suka bersosial jelas dipaparkan. Perkara ini disokong oleh Hayoung Choi dan Sung Gyu Hwang (2023) menyatakan individu yang mempunyai pengalaman buruk zaman kanak-kanak ini lebih memilih untuk meminggirkan diri, menyendiri dan sering memilih untuk tidak berinteraksi dengan orang lain. Jelas di sini, elemen sosial menjadi cabaran yang perlu dihadapi oleh pelajar IPT untuk meneruskan pengajian sehingga tamat.

Cabaran kedua pula adalah cabaran yang melibatkan emosi dan psikologi. Hasil temu bual yang dijalankan mendapati terdapat seorang informan yang mempunyai masalah kesihatan mental iaitu kecelaruan keresahan (*anxiety disorder*). Individu yang mempunyai pengalaman buruk zaman kanak-kanak mengalami tekanan yang berterusan dan tekanan ini akan menyebabkan kewujudan toksik stres di dalam otak (Andrea & Bruce, 2012) yang akhirnya membawa kepada pelbagai masalah kesihatan mental yang lain seperti kemurungan dan gangguan stres pasca trauma (Arnekrans et al., 2018). Masalah kesihatan mental ini juga dilihat menjadi cabaran kepada pelajar IPT sepanjang pengajian. Contohnya:

*"...sakit anxiety disorder tu laa selalu kena attack. Sakit teruk juga sampai ganggu function hidup saya..." (Informan I)*

Bukan itu sahaja, informan juga menyatakan sepanjang pengajian mereka di IPT, antara cabaran lain yang dihadapi adalah kesukaran untuk mengawal perasaan. Mereka mudah marah dan tersinggung apabila bersama dengan orang sekeliling. Malah ada juga di antara informan yang mengakhiri gurauan rakan pengajian dengan pergaduhan kerana dianggap gurauan tersebut dianggap melampaui batas. Perkara ini dinyatakan oleh informan seperti berikut:

*“....Pernah saya mengamok dalam group, sekali dua, tapi tak teruk laa... paling teruk ada juga sampai nak bertumbuk. Diorang gurau lebih sangat” (Informan I)*

*“.....Saya senang rasa nak marah. Cepat je nak angin. Tu yang saya tak suka bergaul dengan ramai orang. Cepat rasa annoyed dengan orang tau....”(Informan III)*

Menurut [McLaughlin et al. \(2017\)](#) keadaan ini berlaku akibat daripada pendedahan kepada pengalaman lampau yang negatif lalu membentuk satu pembelajaran emosi yang bias termasuklah cara individu bertindak balas dengan komunikasi. Oleh yang demikian, meregulasi emosi dengan baik terutamanya apabila melibatkan komunikasi dengan kelompok yang ramai juga menjadi cabaran yang jelas buat pelajar IPT yang mempunyai pengalaman buruk zaman kanak-kanak.

Secara keseluruhan, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pelajar IPT ini boleh di atasi dengan intervensi dan program yang komprehensif dalam membantu kelompok ini. Pihak IPT khususnya harus peka dengan pelajar yang memerlukan sokongan terutamanya sokong dari sudut sosial. Menurut siapa, program seperti ini akan membantu kelompok ini dalam meneruskan pengajian dengan baik dan menghadapi segala cabaran dengan positif.

#### **4.2. Faktor Daya Tahan Pelajar IPT Yang Mempunyai Pengalaman Buruk Zaman Kanak-Kanak**

Terdapat pelbagai faktor yang mendorong kepada pembentukan daya tahan pelajar IPT yang mempunyai pengalaman buruk zaman kanak-kanak. Faktor yang terlibat adalah faktor dalaman dan faktor luaran.

Faktor dalaman adalah ciri individu yang berkait rapat dengan karakter seseorang. Menurut [Findyartini et al. \(2021\)](#) ciri-ciri tersendiri pelajar IPT yang berdaya tahan termasuklah terbuka menerima kritikan, teliti dan berkeyakinan tinggi. Perkara ini selari dengan dapatan kajian ini yang menunjukkan informan, rasa yakin diri, mempunyai keazaman yang tinggi antara penyebab mereka mampu berdaya tahan serta meneruskan pengajian dengan baik. Petikan temu bual adalah seperti berikut:

*“....Apa yang mendorong saya sambung belajar diri sendiri. Masa saya sekolah ada saya ada juga rasa rendah diri dengan kawan-kawan lain. Kita kelas boleh dikatakan kelas hujung macam tu. Lepas tu selalu masuk bilik disiplin. Balik rumah pula selalu kena maki, pernah juga saya rasa stress. Rasa malas nak belajar pun ada. Tapi itulah tak sangka juga budak yang keas hujung macam saya ni boleh masuk IPT dan bertahan sampai sekarang.....”(Informan II)*

*"....Saya positif lepastu saya yakin saya boleh berjaya. Apa yang saya hadap ni, tak lemahkan semangat saya. Saya buat semua untuk diri saya. Saya rasa kalau saya tak tolong diri saya, siapa yang nak tolong. Mahu atau tak, saya kena bangkit..." (Informan IV)*

Selain faktor dalaman, faktor luaran turut menjadi elemen pelindung kepada daya tahan pelajar IPT yang mempunyai pengalaman buruk zaman kanak-kanak. Elemen luaran meliputi keluarga, agama dan institusi pendidikan. Kesemua informan bersetuju bahawa keluarga merupakan elemen pelindung bagi mereka. Keadaan ini disokong oleh [Okwori \(2021\)](#) menyatakan bahawa hubungan baik pelajar IPT dengan orang lebih dewasa dalam keluarga akan membantu daya tahan mereka. Perkara ini dinyatakan oleh informan seperti berikut:

*..."Mak laa yang mendorong saya. Sebab mak hari-hari mak ada call. Pastu mak kerja keras, kadang ada juga laa mak bag duit. Rasa serba salah kalau quit tu..."(Informan I)*

*"....Mak dan suami. Tu yang paling utama lah. Mak ni segalanya, kita susah sama-sama harung semua sama-sama. Mak memang faktor kekuatan saya dan seterusnya bila dah kahwin, suami laa kekuatan tambahan lee orang cakap. Bila rasa give up tu, teringat mak, dengan segala kesusahan tak jadi nak give up. Rasa tak berbaloikan, dah susah tetiba nak give up..."(Informan III)*

Selain itu, elemen agama juga turut mempengaruhi daya tahan informan. Hampir kesemua informan bersetuju bahawa agama menjadikan mereka lebih berdaya tahan. Perkara ini sejajar dengan [Sajodin et al. \(2023\)](#) yang menunjukkan agama memainkan peranan penting kepada individu dalam mencari makna kehidupan dan terus berdaya tahan. Oleh itu, dengan mengetahui makna kehidupan, seseorang akan lebih terarah kepada perkara yang positif. Perkara ini dinyatakan oleh informan seperti berikut:

*"Saya selalu minta biar Allah beri saya kekuatan untuk hadap semuanya. Allah tempat saya mengadu...." (Informan IV)*

*"...Apa yang saya lalui tu, saya anggap ujian. Allah uji Allah sayang..."(Informan V)*

Bukan itu sahaja, elemen lain yang mempengaruhi daya tahan pelajar IPT adalah melalui institusi pendidikan. Melalui institusi pendidikan yang mempunyai tenaga pengajar yang prihatin serta program-program yang membina sudah pasti dapat membantu pelajar menjadi lebih berdaya tahan. Menurut [Mihic et al. \(2022\)](#), intervensi bagi membantu kelompok ini boleh dilakukan di peringkat IPT dengan menggunakan kepakaran serta aset-aset yang ada. Perkara ini akan menjadikan intervensi lebih berkesan dan efektif. Kenyataan informan adalah seperti berikut:

*".....dulu masa saya sekolah ada seorang cikgu kaunseling ni selalu nasihat saya. Dia bagitahu saya bukan tak pandai, cuma terlalu ikut perasaan. Cikgu tu pun ada juga cakap orang kalau tak pandai macam mana pun kalau berusaha mesti boleh berjaya...." (Informan II)*

*"...Lecturer tu nasihatkan saya, bagi semangat supaya saya tak down tak serabut dengan masalah family saya. Sejak dari tu, kalau saya ada masalah saya akan share juga pada dia...." (Informan III)*

Secara keseluruhan dapat diketahui bahawa faktor dalaman dan luaran mempunyai kepentingan dalam mempengaruhi daya tahan kelompok ini seterusnya membantu dalam menghadapi segala cabaran sepanjang pengajian di IPT.

## **5. Kesimpulan**

Hasil dari kajian ini membuktikan bahawa fasa kanak-kanak merupakan fasa yang amat penting dalam pembentukan seseorang. Kegagalan yang berlaku dalam fasa ini akan memberikan kesan yang mendalam terhadap individu. Oleh itu, melalui kajian ini akan memberikan idea kepada Institut Pengajian Tinggi terutamanya dalam membantu pelajar yang mempunyai pengalaman buruk zaman kanak-kanak mengatasi segala halangan yang dihadapi sepanjang tempoh pengajian. Selain itu, program-program intervensi juga boleh diwujudkan secara komprehensif dalam melahirkan pelajar IPT yang berdaya tahan walaupun setelah mengalami pelbagai peristiwa negatif semasa fasa kanak-kanak. Dengan adanya inisiatif dan intervensi yang berterusan kelompok ini dapat diperkasakan dan secara tidak langsung mampu melahirkan masyarakat yang sejahtera dari segala sudut kehidupan.

## **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

## **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Terima kasih kepada semua informan yang telah memberikan kerjasama yang baik sepanjang kajian dijalankan. Segala maklumat yang diberikan telah menjayakan penerokaan ini sekali gus memberikan input terbaik.

## **Kewangan (*Funding*)**

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan dari mana-mana pihak

## **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan daripada penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini

## Rujukan

- Andrea, D., & Bruce, S. M. (2012). Adverse childhood experiences, allostasis, allostatic load, and age-related disease. *Physiology Behavior*, *106*(1), 29-39. doi: 10.1016/j.physbeh.2011.08.019.
- Arnekrans, A. K., Calmes, C. A., Laux, J. M., Roseman, C. P., Piazza, N. J., Reynolds, J. L., Harmening, D., & Scott, H. L. (2018). College Students' Experiences of Childhood Developmental Traumatic Stress: Resilience, First-Year Academic Performance, and Substance Use. *Journal of College Counseling*, *21*(1), 2-14. <https://doi.org/10.1002/jocc.12083>
- Baglivio, M. T., & Wolff, K. T. (2021). Positive childhood experiences (PCE): Cumulative resiliency in the face of adverse childhood experiences. *Youth Violence and Juvenile Justice*, *19*(2), 139–162. <https://doi.org/10.1177/1541204020972487>
- Chang, X., Jiang, X., Mkandarwire, T., & Shen, M. (2019). Associations between adverse childhood experiences and health outcomes in adults aged 18–59 years. *PLoS ONE*, *14*(2), Article e0211850. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0211850>
- Cross, D., Fani, N., Powers, A., & Bradley, B. (2017). Neurobiological development in the context of childhood trauma. *Clinical Psychology: Science and Practice*, *24*(2), 111–124. <https://doi.org/10.1111/cpsp.12198>
- Dube, S. R., Felitti, V. J., Dong, M., Chapman, D. P., Giles, W. H., & Anda, R. F. (2003). Childhood abuse, neglect, and household dysfunction and the risk of illicit drug use: the adverse childhood experiences study. *Pediatrics*, *111*(3), 564–572. <https://doi.org/10.1542/peds.111.3.564>
- Durlak, J. (1998). Common risk and protective factors in successful prevention programs. *American Journal of Orthopsychiatry*, *68*(4), 512–520.
- Eisenberg, D., Golberstein, E. & Hunt, J. (2009). Mental Health and Academic Success in College. *The B.E. Journal of Economic Analysis & Policy*, *9*(1). <https://doi.org/10.2202/1935-1682.2191>
- Esch, P., Bocquet, V., Pull, C., Couffignal, S., Lehnert, T., Graas, M., ... & Anseau, M. (2014). The downward spiral of mental disorders and educational attainment: a systematic review on early school leaving. *BMC Psychiatry*, *14*, 1-13.
- Felitti, V. J., Anda, R. F., Nordenberg, D., Williamson, D. F., Spitz, A. M., Edwards, V., Koss, M. P., & Marks, J. S. (1998). Relationship of childhood abuse and household dysfunction to many of the leading causes of death in adults: The Adverse Childhood Experiences (ACE) Study. *American Journal of Preventive Medicine*, *14*(4), 245-258. [https://doi.org/10.1016/S0749-3797\(98\)00017-8](https://doi.org/10.1016/S0749-3797(98)00017-8)
- Findyartini, A., Greviana, N., Putera, A. M., Sutanto, R. L., Saki, V. Y., & Felaza, E. (2021). The relationships between resilience and student personal factors in an undergraduate medical program. *BMC Medical Education*, *21*(1), 113. <https://doi.org/10.1186/s12909-021-02547-5>
- Fraser, M. W., Kirby, L. D., & Smokowski, P. R. (2004). Risk and resilience in childhood. In M. W. Fraser (Ed.), *Risk and Resilience in Childhood: An Ecological Perspective* (pp. 13-66). National Association of Social Workers.
- Frewen, P., Rogers, N., Flodrowski, L., & Lanius, R. (2015). Mindfulness and Metta-based Trauma Therapy (MMTT): Initial Development and Proof-of-Concept of an Internet Resource. *Mindfulness*, *6*(6), 1322–1334. <https://doi.org/10.1007/s12671-015-0402-y>
- Garnezy, N., Masten, A. S., & Tellegen, A. (1984). The study of stress and competence in children: A building block of developmental psychopathology. *Child Development*, *55*, 97-111.

- Godbout, N., Daspe, M. È., Runtz, M., Cyr, G., & Briere, J. (2019). Childhood maltreatment, attachment, and borderline personality-related symptoms: Gender-specific structural equation models. *Psychological trauma : theory, research, practice and policy*, 11(1), 90–98. <https://doi.org/10.1037/tra0000403>
- Hanson, J. L., Chung, M. K., Avants, B. B., Shirtcliff, E. A., Gee, J. C., Davidson, R. J., & Pollak, S. D. (2010). Early stress is associated with alterations in the orbitofrontal cortex: a tensor-based morphometry investigation of brain structure and behavioral risk. *The Journal of neuroscience : the official journal of the Society for Neuroscience*, 30(22), 7466–7472. <https://doi.org/10.1523/JNEUROSCI.0859-10.2010>
- Harsela, K., & Asih, E. C. (2020). The level of mathematical resilience and mathematical problemsolving abilities of 11 th grade sciences students in a senior high school. *Journal of Physics: Conference Series*, 1521(032053). <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1521/3/032053>
- Hayoung Choi & Sung Gyul Hwang. (2023). Patterns of adverse childhood experiences and social isolation in young adulthood: Evidence from South Korea. *Children and Youth Services Review*, 153(C). <https://doi.org/10.1016/j.childyouth.2023.107083>
- Hillis, S., Mercy, J., Amobi, A., & Kress, H. (2016). Global Prevalence of Past-Year Violence against Children: A Systematic Review and Minimum Estimates. *Pediatrics*, 137, e20154079. <https://doi.org/10.1542/peds.2015-4079>
- McLaughlin, K. A., Koenen, K. C., Bromet, E. J., Karam, E. G., Liu, H., Petukhova, M., Ruscio, A. M., Sampson, N. A., Stein, D. J., Aguilar-Gaxiola, S., Alonso, J., Borges, G., Demyttenaere, K., Dinolova, R. V., Ferry, F., Florescu, S., de Girolamo, G., Gureje, O., Kawakami, N., . . . & Kessler, R. C. (2017). Childhood adversities and post-traumatic stress disorder: Evidence for stress sensitisation in the World Mental Health Surveys. *The British Journal of Psychiatry*, 211(5), 280–288. <https://doi.org/10.1192/bjp.bp.116.197640>
- Mihić, J., Skinner, M., Novak, M., Ferić, M., & Kranželić, V. (2022). The Importance of Family and School Protective Factors in Preventing the Risk Behaviors of Youth. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 19(3), 1630. <https://doi.org/10.3390/ijerph19031630>
- Newcomb, M., Burton, J., & Edwards, N. (2019). Student Constructions of Resilience: Understanding the Role of Childhood Adversity. *Australian Social Work*, 72, 166 - 178. <https://doi.org/10.1080/0312407X.2018.1550521>
- Okwori, G. (2021). Relationship between adverse childhood experiences and resiliency among college students. *Journal of Epidemiology and Public Health*, 6(1), 83-97
- Robertson, C. M. (2019). *The relationship between adverse childhood experiences and social communication: A survey study* [Master's thesis, Minnesota State University, Mankato]. Cornerstone: A Collection of Scholarly and Creative Works for Minnesota State University, Mankato. <https://cornerstone.lib.mnsu.edu/etds/946/>
- Russell, J., & Russell, L. (2006). *The 2006 Pfeiffer Annual Training: measuring employee resilience*. Russell Consulting, Inc. USA.
- Rutter, M. (2006). Implications of resilience concepts for scientific understanding. *Annals of the New York Academy of Sciences*, 1094, 1–12. <https://doi.org/10.1196/annals.1376.002>
- Sajodin, Wilandika, A., & Atikah, A. (2023). The Relationship Between Religious Coping and Academic Resilience in Nursing Students. *The Medical journal of Malaysia*, 78(4), 500–502.

Turner, M., Holdsworth, S., & Scott-Young, C. M. (2016). Resilience at University: the development and testing of a new measure. *Higher Education Research & Development*, 36(2), 386–400. <https://doi.org/10.1080/07294360.2016.1185398>